



## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI ENDOWMEN**

---

### **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967).
- 1.2 Garis panduan ini menerangkan:
  - i. institusi yang layak untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967;
  - ii. penubuhan Tabung endowmen oleh universiti awam;
  - iii. jenis objektif yang layak dipertimbangkan di bawah kelulusan subseksyen 44(11D) ACP 1967;
  - iv. prosedur permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967;
  - v. syarat-syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967;
  - vi. tanggungjawab universiti awam setelah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967;
  - vii. akibat pelanggaran syarat-syarat kelulusan;
  - viii. tempoh masa kelulusan, lanjutan dan rayuan permohonan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967;
  - x. kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) ke atas kelulusan dan penerapan syarat-syarat; dan
  - xi. layanan cukai ke atas pemberi sumbangan endowmen.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

### 2. INSTITUSI YANG LAYAK UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP 1967

- 2.1 Bagi tujuan endowmen, institusi yang layak untuk memohon kelulusan adalah universiti awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] atau Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] (senarai universiti awam seperti di Lampiran).
- 2.1 **Endowmen dalam bentuk wang tunai** sahaja yang layak diberi potongan cukai di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967. Endowmen yang diterima mesti dikekalkan nilai asal dan hanya faedah atau manfaat sahaja yang boleh digunakan mengikut objektif penubuhan.
- 2.2 Wang yang diterima daripada sumber yang haram atau melalui aktiviti yang merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang tidak boleh diterima sebagai endowmen.

### 3. PENUBUHAN TABUNG ENDOWMEN OLEH UNIVERSITI AWAM

- 3.1 Universiti awam yang ingin memohon untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) perlu menubuhkan satu tabung endowmen bagi menguruskan hal ehwal berkaitan endowmen tersebut.
- 3.2 Syarat-syarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen
  - i. Lebih 50% Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa mestilah terdiri daripada orang luar atau pihak lain dikalangan warga universiti awam yang tidak mempunyai perkaitan dengan tabung endowmen. Perkaitan adalah termasuk dan tidak terhad kepada:
    - a. hubungan kekeluargaan seperti ibu bapa, anak, adik-beradik termasuk lain-lain hubungan kekeluargaan yang rapat;
    - b. hubungan majikan dan pekerja; atau
    - c. pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- ii. Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa tidak boleh menerima manfaat atau emolumen daripada tabung endowmen termasuk emolumen tetap.
- iii. Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa/ mana-mana pihak yang mengendalikan tabung endowmen tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui universiti awam yang diluluskan tersebut.

### **4. JENIS OBJEKTIF YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP 1967**

- 4.1 Objektif berorientasikan kebajikan kepada pelajar di universiti awam;
- 4.2 Objektif berorientasikan pendidikan, penyelidikan dan pengembangan sistem pembelajaran di kalangan pelajar Universiti Awam; dan
- 4.3 Lain-lain tujuan yang bermanfaat kepada universiti awam ke arah kemajuan dan pengajaran serta pembelajaran.

### **5. PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP 1967**

- 5.1 Orang yang layak mengemukakan permohonan bagi pihak universiti awam adalah seperti berikut:
  - i. Presiden, Pengerusi, Pengarah atau Setiausaha tabung endowmen; atau
  - ii. Wakil bertauliah yang dilantik secara sah oleh universiti awam.
- 5.2 Permohonan hendaklah menggunakan kepala surat rasmi yang menyatakan dengan jelas alamat surat-menyurat, emel, nombor telefon serta dokumen sokongan.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

5.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:-

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia,  
Jabatan Dasar Percukaian,  
Aras 17, Menara Hasil,  
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8,  
63000 Cyberjaya,  
Selangor.

### **6. SYARAT-SYARAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP 1967**

Dalam tempoh kelulusan, tabung endowmen mestilah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- i. Tabung endowmen hendaklah terus ditubuhkan dengan tidak bertujuan untuk mencari keuntungan.
- ii. Tabung endowmen hendaklah secara berterusan memberikan khidmat atau manfaat yang tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
  - a. khidmat atau manfaat diberikan kepada pelajar Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan;
  - b. khidmat atau manfaat boleh digunakan bagi tujuan penyelidikan dan pengembangan pendidikan di universiti awam tersebut;
  - c. khidmat atau manfaat tidak dinikmati oleh ahli lembaga pemegang amanah/ ahli lembaga pengarah/ ahli jawatankuasa/ mana-mana pihak yang mengendalikan tabung endowmen; dan
  - d. khidmat atau manfaat tidak dinikmati oleh ahli keluarga Pemegang Amanah atau mana-mana pihak yang berkepentingan kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa/ mana-mana pihak yang mengendalikan tabung endowmen.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- iii. Akaun beraudit yang berasingan perlu disediakan bagi wakaf, endowmen di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967 serta hadiah wang di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 yang diterimaoleh universiti awam.

### 6.1 **Larangan ke atas Universiti Awam yang Telah Diluluskan di bawah Subseksyen 44(11D) ACP 1967**

Institusi atau organisasi endowmen adalah dilarang daripada melakukan perkara berikut:-

- i. mengguna pakai logo rasmi LHDNM atau mengubah suai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
- ii. melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan kesatuan sekerja atau membenarkan kewangannya, ahli/ staf dan premis/ harta digunakan untuk tujuan tersebut; dan
- iii. membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif institusi atau organisasi.

## 7. **TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI AWAM SETELAH MENDAPAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP 1967**

7.1 Tanggungjawab institusi atau organisasi endowmen selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967 adalah seperti berikut:

- i. **Resit rasmi:-**
  - a. Semua endowmen yang diterima dalam bentuk tunai atau melalui perbankan internet/ cek/ kiriman wang/ wang pos/ draf bank perlu menggunakan resit rasmi;
  - b. Resit rasmi mesti mengandungi maklumat berikut:
    - Nama dan alamat institusi atau organisasi;
    - Nombor siri resit rasmi yang bercetak (*pre-printed*);

- Tarikh resit;
  - Nama pemberi endowmen berserta dengan nombor kad pengenalan/ nombor pasport dan nombor pendaftaran perniagaan;
  - Alamat surat-menyurat pemberi endowmen;
  - Jawatan pemungut (*collector*) seperti Presiden, Bendahari atau Akauntan; dan
  - Catatan berikut:
    - “Potongan Di Bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967:  
Rujukan: LHDN.01/35/42/51/179-6.XXXX  
Tarikh Kuatkuasa: xx Januari 2020 hingga xx  
Disember 2024”**
- c. Resit **tidak layak diberi** kepada **pemberi endowmen yang gagal** memberikan maklumat yang lengkap berkaitan dirinya. Maklumat yang lengkap perlu diberikan dengan butiran berikut:-
- Bagi pemberi endowmen individu:
    - Nama pemberi endowmen;
    - Nombor kad pengenalan / nombor pasport; dan
    - Alamat lengkap
  - Bagi penderma selain daripada individu:
    - Nama pemberi endowmen;
    - Nombor pendaftaran; dan
    - Alamat Lengkap.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- ii. **Pemakluman awal secara bertulis perlu dibuat kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi perkara berikut:**
- a. sebelum pemilikan aset atau harta meliputi tanah, bangunan, kenderaan, peralatan dan lain-lain;
  - b. sebelum pelupusan harta;
  - c. sebelum sebarang pertukaran Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ ahli jawatankuasa, keahlian institusi atau organisasi; atau
  - d. sebelum pindaan kepada perlembagaan atau surat ikatan amanah institusi atau organisasi endowmen.
- iii. **Lain-lain -**
- a. Penentuan 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada **tahun kedua atau ketiga** dan seterusnya adalah berdasarkan aktiviti bagi mencapai objektif-objektif tabung endowmen tersebut atau berdasarkan budi bicara KPHDN.
  - b. Satu penyata kewangan tahunan yang telah beraudit oleh Juruaudit Awam bertauliah hendaklah dihantar sebelum atau pada 30 April setiap tahun ke-

Jabatan Dasar Percukaian  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Menara Hasil, Aras 17  
Persiaran Rimba Permai,  
Cyber 8, 63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

Penyata hendaklah mengandungi semua pendapatan yang diterima dan perbelanjaan yang dibuat olehnya. Sila lampirkan maklumat berikut bersama-sama penyata kewangan:-

- Senarai pemberi endowmen sebanyak **RM20,000.00 dan ke atas**

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- Senarai penerima bantuan endowmen yang lengkap dengan butiran berikut -
  - Maklumat penerima bantuan endowmen
    - Nama, nombor kad pengenalan, amaun, jenis bantuan
  - Maklumat institusi atau organisasi yang menerima bantuan
    - Nama, alamat dan nama pengarah institusi atau organisasi
- c. Semua rekod dan dokumen institusi atau organisasi endowmen hendaklah disimpan untuk dikemukakan kepada KPHDN untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.
- d. Berikut adalah rujukan kepada institusi atau organisasi endowmen yang diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967 :
  - no pendaftaran permohonan dan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967; dan
  - no fail cukai pendapatan di bawah TA yang perlu didaftarkan di cawangan LHDNM.
- e. Institusi atau organisasi endowmen hendaklah menghantar Borang Nyata
- f. Sekiranya institusi atau organisasi endowmen **dibubarkan** –
  - Kesemua hutang dan tanggungan hendaklah dijelaskan dan baki aset dan wang, jika ada, hendaklah diberikan kepada universiti awam lain yang telah diluluskan oleh KPHDN.



- Pembubaran ini hendaklah dimaklumkan kepada KPHDN dengan segera selewat-lewatnya **dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.**
- Akaun bank institusi atau organisasi endowmen tersebut hendaklah ditutup dengan segera. Sesalinan surat penutupan akaun bank perlu dikemukakan kepada Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM sebagai bukti.

## 8. AKIBAT PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN

- 8.1 Sekiranya institusi atau organisasi endowmen melanggar mana-mana **syarat kelulusan** yang dinyatakan dalam garis panduan ini atau peruntukan dalam ACP 1967, KPHDN atas budi bicaranya boleh membatalkan kelulusan yang telah diberikan kepada universiti awam di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967.
- 8.2 Dalam perenggan 8.1, perkataan **syarat kelulusan** termasuk syarat kelulusan dan tanggungjawab institusi atau organisasi endowmen yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa selepas universiti awam mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967.

## 9. TEMPOH MASA KELULUSAN, LANJUTAN DAN RAYUAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

- 9.1 Tempoh kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967 yang diberikan oleh KPHDN kepada universiti awam adalah **selama 5 tahun**
- 9.2 Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan, universiti awam perlu membuat permohonan secara bertulis kepada KPDHN dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

9.3 Lanjutan tempoh kelulusan akan dipertimbangkan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan syarat-syarat kelulusan terdahulu.

### **10. KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT-SYARAT**

Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab institusi atau organisasi endowmen yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak mengehendak atau sebaliknya menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP 1967 berkenaan dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967.

### **11. LAYANAN CUKAI KE ATAS UNIVERSITI AWAM YANG DILULUSKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP 1967**

Pendapatan universiti awam yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967 berkenaan dengan endowmen tunai yang diterimanya termasuk pendapatan yang terbit daripadanya adalah dikecualikan daripada cukai.

### **12. LAYANAN CUKAI KE ATAS PEMBERI SUMBANGAN ENDOWMEN**

12.1 Seseorang yang membuat sumbangan endowmen kepada universiti awam yang diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) layak diberi potongan cukai bersamaan dengan amaun yang diderma atau disumbangkan dalam pengiraan pendapatan agregat orang itu. Walau bagaimanapun, amaun potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967 dan amaun yang telah dipotong di bawah subseksyen 44(6), (11B) dan (11C) ACP 1967 tidak boleh melebihi 10% daripada pendapatan agregat orang itu.

12.2 Pemberi sumbangan endowmen tidak boleh menuntut pelepasan cukai mulai dari tarikh surat pemakluman penarikan kelulusan subseksyen 44(11D) ACP 1967 sekiranya kelulusan yang diberikan kepada universiti awam di bawah subseksyen 44(11D) ACP 1967 ditarik balik .

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 06 Oktober 2020

s.k : LHDN.01/35/42/51/179-2 (aa)

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

### **SENARAI UNIVERSITI AWAM LAYAK:**

1. Universiti Malaya
2. Universiti Teknologi MARA
3. Universiti Sains Malaysia
4. Universiti Kebangsaan Malaysia
5. Universiti Putra Malaysia
6. Universiti Teknologi Malaysia
7. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
8. Universiti Malaysia Sarawak
9. Universiti Malaysia Sabah
10. Universiti Pendidikan Sultan Idris
11. Universiti Sains Islam Malaysia
12. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
13. Universiti Malaysia Perlis
14. Universiti Malaysia Pahang
15. Universiti Sultan Zainal Abidin
16. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
17. Universiti Malaysia Kelantan
18. Universiti Malaysia Terengganu
19. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
20. Universiti Utara Malaysia.